



KE PENJARA: Tertuduh (tengah) diiringi polis semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

Buruh dipenjara enam bulan kerana curi loket, cincin lebih RM18,000

KUCHING: Seorang buruh lelaki dijatuhi hukuman penjara enam bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mencuri seutas loket dan sebentuk cincin bernilai RM18,176 pada Khamis lepas.

Majistret Nur Syaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan hukuman penjara bagi Mohd Amirul Lukman Jemat, 30, untuk dikuatkuasakan mulai semalam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa mencuri seutas loket 925 jenis Moldavite bernilai RM12,888 dan sebentuk cincin jed Burma bernilai RM5,288 milik sebuah premis menjual kristal serta aksesori di Tabuan Plaza, Jalan Bayor Bukit di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Fakta kes mendedahkan seorang individu (pengadu) membuat laporan polis selepas mendapati dua barang kemas iaitu seutas loket Moldavite 925 dan sebentuk cincin jed Burma bernilai keseluruhan RM18,176 hilang dari premis terbabit.

Hasil siasatan polis kemudiannya membawa kepada penangkapan tertuduh pada keesokan harinya di tempat letak kereta hadapan pusat beli-belah berkenaan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal Sharidan, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.